



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

REFLEKSI DIRI

UHMS 1182: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Nama pelajar : Nurin Farzanah Binti Mohd Hilmi
Nombor matriks : A20EC0122
Fakulti : Kejuruteraan (Sekolah pengkomputeran)
Semester-Sesi : 1-2020/2021
Seksyen : 30
Nama Pensyarah : Dr. Husain Mahmood

Soalan 1: Apa yang telah kamu pelajari daripada kursus etika dan peradaban?

Setelah 15 minggu menyertai kursus etika dan peradaban untuk semester 1 ini, saya mengakui terdapat berbagai-bagai ilmu baru dan juga teknik baru yang dapat saya pelajari melalui pelbagai kaedah pembelajaran yang dilakukan oleh Dr. Husain Mahmood sebagai pensyarah saya yang membimbing anak-anak muridnya sejak awal semester.

Pertama sekali, melalui kursus etika dan peradaban, saya dapat meningkatkan pengetahuan saya tentang peradaban-peradaban yang tidak pernah saya ketahui kewujudannya dan ia menarik minat saya untuk mengetahui dengan lebih lanjut. Hal ini kerana implementasi pembelajarannya yang memerlukan rakan sekelas untuk membentangkan slaid pembentangan yang penuh gambar yang berkaitan menarik minat saya untuk mendengar dengan lebih lanjut hal yang dibicarakan. Sebagai contoh, terdapat kumpulan membentangkan peradaban pada zaman renaissance di Eropah dan peradaban Aztec di dunia dan ia memberi kesedaran kepada saya bagaimana ekonomi, teknologi dan sosial berkait antara satu sama lain.

Di samping itu, saya juga dapat mempelajari pelbagai etika penting yang perlu saya terapkan bukan sahaja dalam kehidupan seharian tetapi juga dalam alam pekerjaan profesional yang akan saya jejak selepas tamatnya pembelajaran saya di universiti. Tamsilnya, terdapat kumpulan yang membentangkan keberkesanan penggunaan etika pekerjaan dalam bidang kejuruteraan yang menerangkan etika-etika pekerjaan dalam bidang kejuruteraan dan kelebihan menjaga etika tersebut, contohnya, jika etika tersebut dapat diamalkan, ia akan meningkatkan kualiti kerja seseorang tersebut. Pembentangan mereka membuatkan saya untuk lebih tegas terhadap diri sendiri dalam mengaplikasikan etika-etika tersebut dalam kehidupan seharian.

Selain itu, tugas-tugas yang diberikan untuk kursus ini membuka mata saya kepada isu-isu semasa yang berada di sekeliling kita. Kumpulan saya telah memilih tajuk krisis peradaban etnik Rohingya di Myanmar sebagai tajuk tugas kami. Apabila saya membaca dengan lebih mendalam, isu ini sangat menyayat hati saya kerana mereka masih ditindas dengan negara mereka sendiri setelah berpuluh-puluh tahun namun tiada tindakan yang efektif dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan dan juga negara Myanmar terutamanya. Mereka masih menjadi perlarian di negara-negara lain untuk menyelamatkan diri dan berharap untuk mendapat kehidupan yang lebih baik di negara jiran yang lain. Melalui tugas yang diberikan ini saya dapat mengetahui cara untuk membantu golongan-golongan teraniaya ini dan memberi

kesedaran kepada saya untuk membantu golongan-golongan tersebut agar dapat mengurangkan beban mereka.

Selain daripada itu, saya juga dapat mengasah teknik-teknik pembentangan melalui bantuan pensyarah kursus ini yang membimbing saya secara tidak langsung. Dr. Husain Mahmood telah memberi bimbingan dan panduan untuk membuat slaid yang menarik dengan mementingkan penerapan gambar-gambar yang berkaitan dengan isu pembentangan untuk mendapatkan minat pendengar-pendengar agar mereka dapat menumpukan perhatian. Tambahan lagi, melalui pembentangan yang telah saya jalani, ia meningkatkan kemahiran saya dalam melakukan pembentangan dan mengajar saya untuk bercakap dengan jelas kerana ia akan membuatkan saya lebih yakin apabila bercakap di khalayak ramai.

Akhir sekali, kursus ini mengajar saya betapa pentingnya nilai kerjasama dalam membuat tugas berkumpulan. Semasa kami bertungkus lumus menyiapkan tugas yang diberikan, kumpulan saya telah bekerjasama dan memberi bantuan antara satu sama lain dan ini meringankan beban antara kami semua. Kami sentiasa bertukar pendapat dan ini mengajar saya secara tidak langsung cara untuk berdiskusi dengan baik sesama rakan. Disebabkan sifat kerjasama yang diterapkan oleh kumpulan saya, kami dapat menyiapkan tugas kami dalam masa yang singkat dan dalam kualiti yang baik.

Soalan 2: Bagaimana kamu boleh praktik atau amalkan perkara-perkara yang telah kamu telah pelajari pada kursus etika dan peradaban ini dalam kehidupan seharian?

Melalui kursus etika dan peradaban yang saya ambil untuk semester 1 2020/2021 ini, terdapat banyak perkara dan nilai yang dapat saya belajar yang dapat saya praktikkan serta amalkan dalam kehidupan seharian saya dengan objektif untuk menjadi seorang insan yang lebih baik dari sebelumnya.

Pertama sekali, saya boleh mempraktikkan amalan rajin membaca bahan-bahan yang bermanfaat dan kaya dengan ilmu seperti akhbar-akhbar harian. Hal ini agar saya sentiasa mengikut perkembangan isu semasa yang berada mahupun di dalam atau di luar negara. Ini dapat menjadikan saya tidak lalai dengan hiburan semata-mata, dan, dengan membaca akhbar-akhbar terkini, saya dapat mengetahui apa yang perlu saya lakukan supaya saya dapat menyumbang kepada sesuatu perkara atau membantu mereka yang memerlukan. Dengan sikap rajin membaca juga saya dapat memberikan pendapat yang relevan setelah melihat sesuatu perkara itu dari pelbagai aspek. Tambahan lagi, ia pasti dapat membantu saya untuk menjadi seseorang yang tidak mudah terpedaya dengan fitnah-fitnah atau konspirasi-konspirasi yang semakin meluas seperti anti-vaksin dan juga konspirasi bumi rata. Dengan itu, saya akan memastikan saya mengamalkan amalan rajin membaca akhbar-akhbar terkini supaya saya dapat mengetahui situasi masyarakat, negara dan dunia.

Selain daripada itu, saya boleh mengamalkan sikap mementingkan pembelajaran dan pendidikan yang boleh saya dapatkan di institusi pengajian Universiti Teknologi Malaysia dengan belajar bersungguh-sungguh untuk setiap kos yang diambil. Hal ini agar saya dapat mencapai cita-cita saya untuk bekerja di satu syarikat yang terkenal dengan memegang jawatan sebagai jurutera perisian seperti syarikat Google. Saya ingin mengamalkan sikap belajar bersungguh-sungguh dan tidak mudah berputus asa ini agar saya dapat menyumbang dalam meningkatkan peradaban, etika dan kemajuan masyarakat yang menduduki negara Malaysia, dan seterusnya meningkatkan peradaban di Asia dan serata dunia. Hal ini kerana jika saya tidak mengejar ilmu yang diberikan pastinya sukar untuk saya mencapai objektif dan cita-cita yang telah lama saya impikan. Oleh itu, saya akan menerapkan sikap mementingkan pembelajaran dan pendidikan ini dalam kehidupan seharian saya.

Seterusnya, melalui kos ini, saya dapat mengamalkan nilai berdisiplin dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberikan. Hal ini kerana apabila diberikan tugas, tugas itu perlulah disiapkan dalam tempoh yang diberikan. Maka dari situ, saya amalkan

sikap menepati masa dan tidak membuang masa dengan perkara yang sia-sia dan juga perkara yang melalaikan. Kos ini juga memerlukan saya mengamalkan sikap berdisiplin tinggi dalam memberi komitmen apabila ditugaskan untuk menyiapkan kerja berkumpulan. Hal ini kerana saya perlulah memberikan komitmen yang baik kepada ahli kumpulan saya agar kami dapat bekerjasama dengan baik dan dapat menyiapkan tugas tersebut dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Oleh itu, saya pasti akan mengamalkan sikap berdisiplin dalam kehidupan seharian saya agar saya dapat menjalani kehidupan saya dengan lebih teratur.

Lain daripada itu, saya dapat mengamalkan sikap hormat menghormati antara satu sama lain, lebih-lebih lagi apabila saya menetap di negara Malaysia yang berbeza kaum, agama dan juga budaya. Sikap ini dapat saya pelajari dari satu kumpulan yang membentangkan etika-etika kesepaduan hidup antara masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia. Saya perlu mementingkan nilai hormat menghormati agar keamanan negara terjamin tanpa perselingkuhan dan konflik antara masyarakat di sekeliling saya. Nilai ini juga dapat membuatkan saya dan masyarakat lain hidup dalam masyarakat yang harmoni dan saling bertukar budaya agar dapat memahami antara satu sama lain. Oleh itu, kos ini mengajar saya untuk mengamalkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain.

Akhir sekali, terdapat satu pembentangan yang menarik minat saya untuk memperbaiki sikap-sikap buruk saya. Pembentangan tersebut adalah pembentangan akan etika masyarakat Jepun. Seperti yang kita semua tahu Jepun adalah salah satu negara yang maju dan kaya dengan teknologi serta mempunyai masyarakat yang beretika. Hal ini mampu dicapai oleh mereka kerana mereka mengamalkan etika-etika yang sangat baik seperti menjaga kebersihan, mempunyai budaya kerja yang tinggi, mempunyai semangat patriotik yang tinggi dan lain-lain. Pembentangan tersebut menyedarkan saya agar saya perlu membuang sikap-sikap buruk saya seperti membuang sampah merata-rata dan melengahkan kerja dan menggantikannya dengan sikap yang baik satu persatu. Oleh itu, dengan adanya pembentangan tersebut melalui kos ini, saya dapat belajar untuk mengamalkan sikap memperbaiki sikap-sikap buruk saya dan menggantikannya dengan nilai-nilai murni.